

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**

**SOALAN : 400**

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status kes pembunuhan dua kanak-kanak di daerah Yan yang melibatkan suspek yang mempunyai rekod pengambilan dadah dan langkah yang diambil bagi mengekang pengedaran dadah .

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berkait Yan repot 108/2019 pada 8 Januari 2019 mengenai kejadian seorang lelaki telah mengamuk dengan sebilah parang sehingga menyebabkan kematian dua kanak-kanak berumur 4 dan satu tahun selain mencederakan seorang lelaki dewasa. Suspek telah ditangkap pada hari kejadian dan telah dituduh di mahkamah pada 15 Januari 2019 di bawah seksyen 302 Kanun Keseksan kerana membunuh.

Berkaitan kes pengedaran dadah, pelbagai tindakan penguatkuasaan dan kempen telah dilaksanakan oleh PDRM dan AADK bagi mengekang kegiatan pengedaran dan penagihan dadah dari terus membelenggu masyarakat ketika ini. Antara langkah-langkah yang diambil seperti berikut:-

- i) Mempertingkatkan kerjasama dengan agensi tempatan dalam berkongsi maklumat risikan dan menjalankan operasi bersepadu;
- ii) Memperluaskan ops sarang bagi membentaras kegiatan penagihan dan penyalahgunaan dadah dan memusnahkan port-port yang digunakan sebagai tempat mengambil dadah oleh penagih; dan
- iii) Mengadakan kempen kesedaran kepada masyarakat terutama golongan remaja melalui pameran, ceramah, forum dan sebagainya tentang trend, ancaman dadah terkini dan panduan agar tidak terjebak dalam masalah dadah.